

# Ancaman rusuhan kaum masih wujud

Masyarakat Islam tidak terlepas

- 4 AUG 1987

Oleh NURYATI DURIAT

dari penyusupan komunis

PENANGKAPAN empat orang ahli silat Melayu baru-baru ini jelas menunjukkan betapa bahaya rusuhan kaum dalam masyarakat kita tetap menjadi masalah yang sukar dihapuskan sama sekali. *MILAHN 1/4/87*

Begitu juga halnya dengan ancaman komunis yang masih belum terhapus, seperti yang terdedah dalam penangkapan (Vincent Cheng) dan aktivis komunis yang lain.

Malah, masyarakat Islam sendiri tidak terlepas dari ancaman komunis itu. *1/4/87*

Menegaskan demikian, Menteri Bertanggungjawab bagi Ehal Masyarakat Islam, Dr Ahmad Mattar, berkata:

"Ancaman komunis dan perkauman belum terhapus sama sekali. Parti Komunis Malaya (CPM) masih lagi berpegang kuat kepada perjuangan bersenjata. Di antara taktik yang digunakan ialah menyusup ke dalam pertubuhan-pertubuhan termasuk pertubuhan agama, dan memusnahkan musuh-musuhnya pada masa yang difikirkan tepat.

"Kita pun belum terlepas daripada masalah-masalah perkauman dan jika dibiarkan akan membawa akibat buruk.

"Oleh itu, adalah mustahak bagi rakyat Singapura supaya sentiasa berhati-hati untuk memastikan bahawa anasir-anasir yang tidak diingini ini tidak timbul terus."

Semasa berucap dalam majlis penyampaian biasiswa Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM) malam tadi, Dr Mattar mengingatkan orang ramai supaya lebih berwaspada terhadap pelampau-pelampau perkauman dan tindak-tanduk mereka.

Mengenai penangkapan empat orang ahli silat kerana menyebarkan khabar angin dan cuba menimbulkan rusuhan kaum, Menteri itu berkata bahawa tujuan buruk mereka memang nyata.

Bagaimanapun, dengan tindakan yang cekap pihak berkuasa yang berjaya melenyap-

*JAWATAN CCS. BLM NG S/4/87*



“Ancaman komunis dan perkauman belum terhapus sama sekali. Parti Komunis Malaya (CPM) masih lagi berpegang kuat kepada perjuangan bersenjata. Di antara taktik yang digunakan ialah menyusup ke dalam pertubuhan-pertubuhan termasuk pertubuhan agama, dan memusnahkan musuh-musuhnya pada masa yang difikirkan tepat.”

— Dr Ahmad Mattar

- 4 AUG 1987

kan khabar-khabar angin ini dari tersebar luas, satu kejadian buruk telah dapat dielakkan.

Beliau selanjutnya berkata, pihak polis mesti segera dihubungi jika terdapat orang-orang yang menyebarkan berita-berita liar mengenai rusuhan-rusuhan kaum supaya polis boleh cepat bertindak untuk mengesan penyebar-penyebar berita ini sebelum mereka membuat kacau.

Dr Mattar, yang juga Menteri Sekitaran, mengingatkan orang ramai supaya tidak terpedaya oleh pihak-pihak yang

berniat buruk tetapi berselindung di sebalik kegiatan agama, sebagaimana yang terdedah ekoran penangkapan Vincent Cheng dan kumpulannya.

Beliau menarik perhatian bahawa penangkapan Vincent Cheng dan kumpulannya memang memeranjatkan kerana mereka disifatkan sebagai orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan agama dan gereja. *4 AUG 1987*

Ia juga memeranjatkan ramai rakyat Singapura kerana ancaman komunis pada zahirnya telah lama lenyap.

Bagaimanapun, pendedahan

komplot Marxis itu memperlihatkan kepada kita bahawa ancaman komunis sebenarnya nyata walaupun keadaan sosial Singapura sudah berubah.

Malah, anasir-anasir komunis akan menjalankan kegiatan-kegiatan subversif mereka dengan cara yang baru dan pada masa yang dirasakan sesuai. Ini termasuklah taktik yang melibatkan agama.

Menurut Dr Mattar lagi, Musa Ahmad, bekas pemimpin Parti Komunis Malaya (CPM), semasa berucap kepada penduduk-penduduk di Baling, Kedah, baru-baru ini, telah mendedahkan bahawa satu cara CPM mendapatkan sokongan penuh orang Melayu ialah dengan menggunakan Islam.

CPM memilih kader-kader untuk dilatih dalam falsafah dan kehidupan Islam, kemudian mereka dihantar keluar untuk menyusup ke dalam masyarakat Melayu/Islam.